



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***HUBUNGAN FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN KERJA, REKA
BENTUK LATIHAN DAN AKAUNTABILITI DENGAN PEMINDAHAN
LATIHAN PERGURUAN DALAM KALANGAN GURU SISWAZAH***

HASLINA BINTI ABDUL RAHIM

FPP 2014 63



**HUBUNGAN FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN KERJA, REKA
BENTUK LATIHAN DAN AKAUNTABILITI DENGAN PEMINDAHAN
LATIHAN PERGURUAN DALAM KALANGAN GURU SISWAZAH**



**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

OGOS 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

HUBUNGAN FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN KERJA, REKA BENTUK LATIHAN DAN AKAUNTABILITI DENGAN PEMINDAHAN LATIHAN PERGURUAN DALAM KALANGAN GURU SISWAZAH

Oleh

HASLINA BINTI ABDUL RAHIM

OGOS 2014

Pengerusi: Norhasni binti Zainal Abiddin, Ph.D

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Berdasarkan sorotan literatur mengenai kajian pemindahan latihan mendapati bahawa faktor individu, persekitaran kerja dan reka bentuk latihan dengan pemindahan latihan telah banyak dikaji. Walau bagaimanapun akauntabiliti merupakan faktor yang masih belum dikaji secara meluas. Sedangkan faktor ini merupakan elemen penting yang merujuk kepada sifat kebertanggungjawaban guru untuk mengaplikasi apa yang dipelajari dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap ke sekolah. Justeru itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan hubungan faktor individu, persekitaran kerja, reka bentuk latihan dan akauntabiliti dengan pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru-guru siswazah sekolah rendah di Selangor. Teori dan model kajian ini berdasarkan Teori Persamaan Elemen, Teori Pemindahan Kognitif, Teori Pembelajaran Dewasa, Teori Akauntabiliti (Schlenker, Britt, Pennington, Murphy dan Doherty, 1994) dan Model Pemindahan Latihan (Baldwin & Ford, 1988; Holton, 2000).

Kajian ini merupakan kajian deskriptif korelasi dengan pengumpulan data menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik terbahagi kepada enam bahagian iaitu maklumat latar belakang responden, pemindahan latihan, faktor individu, persekitaran kerja, reka bentuk latihan dan akauntabiliti. Sampel kajian terdiri daripada 197 orang guru sekolah rendah yang telah tamat mengikuti Program Pensiswazahan Guru daripada lima buah daerah di Selangor yang dipilih secara kaedah persampelan rawak berkelompok. Instrumen kajian adalah soal selidik yang telah dibina oleh beberapa orang pengkaji. Instrumen tahap pemindahan latihan diadaptasi daripada instrumen Thayer dan Teachout (1995), Mohamad (2003) dan Sakinah (2003) dengan kebolehpercayaan $\alpha = .922$ ($n = 25$). Instrumen *Learning Training System Inventori* oleh Holton, Bates dan Ruona, (2000) dan instrumen yang dibina oleh Sakinah (2003) diadaptasi bagi mengukur faktor individu, persekitaran kerja dan reka bentuk latihan dengan kebolehpercayaan $\alpha = .914, .928$ dan $.959$ ($n = 25$). Instrumen untuk mengukur akauntabiliti diadaptasi daripada instrumen *The 2010 FedView Survey* dan instrumen yang dibina oleh Hochwarter, Kacmar dan Ferris (2003) dengan kebolehpercayaan $\alpha = .878$, ($n = 25$). Frekuensi dan peratusan, min dan sisihan piawai, ujian Korelasi Pearson dan Ujian Regresi Berganda telah diguna pakai untuk menganalisis data-data tersebut.

Dapatan deskriptif kajian menunjukkan bahawa tahap pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru siswazah sekolah rendah di Selangor adalah tinggi. Ujian korelasi mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif masing-masing di antara pemindahan latihan guru dan faktor individu, diikuti oleh reka bentuk latihan, akauntabiliti dan persekitaran kerja. Berdasarkan ujian Regresi pula, dapatan kajian mendapati hanya faktor individu dan reka bentuk latihan mempengaruhi pemindahan latihan perguruan. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan supaya kedua-dua faktor yang mempengaruhi ini diberi penekanan dalam mereka bentuk latihan guru ke arah memastikan tahap pemindahan latihan adalah optimum.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
Fulfilment of the requirement for the Master of Science

**RELATIONSHIP OF INDIVIDUAL FACTOR, WORK ENVIRONMENT,
TRAINING DESIGN AND ACCOUNTABILITY WITH TEACHERS
TRAINING TRANSFER AMONG GRADUATE TEACHERS**

By

HASLINA BINTI ABDUL RAHIM

AUGUST 2014

Chair: Norhasni Zainal Abiddin, Ph.D

Faculty: Educational Studies

Based on the literature review on training transfer studies found that individual factor, work environment and training design with transfer of training was already widely studied. However, accountability is a factor that has not been widely studied. While this factor is the element that refers to the nature of the accountability of teachers to apply what they have learned in terms of knowledge, skills and attitudes to school. Therefore, the main purpose of this study was to determine the relationship of individual factors, work environment, training design and accountability with teachers training transfer among primary school graduate teachers in Selangor. The theory and model of this study was based on Theory of Identical Element, Cognitive Theory of Transfer, Adult Learning Theory, Accountability Theory (Schlenker, Britt, Pennington, Murphy, and Doherty, 1994) and Model of Training Transfer (Baldwin & Ford, 1988; Holton, 2000).

The study is a descriptive correlation study with data collection using a survey. The questionnaire was divided into six sections: background information, transfer of training, individual factor, work environment, training design and accountability. The Sample consisted of 197 primary school teachers whom had completed the Graduate Teacher Programme from five districts in Selangor selected at clusters random sampling method. The research instrument was a questionnaire that has been developed by several researchers. The instrument for training transfer level has been adapted from instruments by Thayer and Teachout (1995), Mohamad (2003) and Sakinah (2003) with reliability $\alpha = .922$ ($n = 25$). The Learning Training System Instrument by Holton, Bates and Ruona (2000) and the instruments developed by Sakinah (2003) was adapted to measure individual factor, working environment and training design with reliabilities $\alpha = .914$, $.928$ and $.959$ ($n = 25$). The instruments to measure accountability was adapted from The 2010 Fed View Survey instrument and instrument developed by Hochwarter, Kacmar and Ferris (2003) with reliability $\alpha = .878$, ($n = 25$). Frequency and percentages, mean and standard deviation, Pearson correlation test and multiple regression were employed to analyze the data.

Descriptive findings showed that the levels of teachers training transfer among graduate teachers in primary schools in Selangor were high. Correlation test shows that there was positive significant relationships respectively between teachers training transfer and individual factors, followed by the training design, accountability and work environment. Based on regression tests, the study found that only individual factors and training design influenced the teachers training transfer. Thus, this study suggests that these two factors can be emphasized in the design of teachers' training to ensure the level of training transfer is optimal.



PENGHARGAAN

“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

Bersyukur saya ke atas nikmat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya membolehkan saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Tanpa kudrat dan izinNya pasti kejayaan ini tidak akan tercapai.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Norhasni Zainal Abiddin dan Prof. Madya Dr. Aminuddin Hassan di atas segala pengkongsian ilmu, perbincangan ilmiah dan penyeliaan yang telah dijalankan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tanpa bantuan mereka, kejayaan ini tidak akan tercapai. Selain itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli jawatankuasa peperiksaan tesis saya yang juga banyak membantu saya dalam menyelesaikan penulisan ilmiah ini.

Buat semua pensyarah dan kaki tangan di Jabatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan yang sentiasa memberi ruang dan masa untuk berbincang serta berkongsi kepakaran masing-masing.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja biasiswa kepada saya sepanjang pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Tidak dilupakan sama sekali pergorbanan suami tercinta, Noor Syahrin Mohammad, ibu tersayang, Amanah Ahmar, dan anak-anak yang dikasih, Noor Hadif, Noor Hasif dan Noor Hannah yang banyak memberi sokongan, semangat dan memahami situasi saya sepanjang pengajian ini. Doa restu kalian ini mengiringi saya dalam menempuh kepayahan yang saya lalui untuk menyiapkan tesis ini.

Buat teman-teman seperjuangan, budi baik semua yang telibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini akan saya kenang buat selamanya. Terima kasih kerana sentiasa menghulurkan bantuan, memberikan kekuatan dan semangat sehingga berjaya menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada sesiapa sahaja yang telah menjayakan kajian ini termasuklah guru-guru yang telibat sebagai responden, sekolah-sekolah kebangsaan, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Jasa semua akan dikenang selamanya.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (15hb Ogos 2014) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Haslina binti Abdul Rahim bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Faktor Individu, Persekutuan Kerja, Reka Bentuk Latihan dan Akauntabiliti dengan Pemindahan Latihan Perguruan Dalam Kalangan Guru Siswazah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Wan Marzuki bin Wan Jaafar, Ph.D

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Khairuddin bin Idris, Ph.D

Profesor Madya Dr.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ramli bin Basri, Ph.D

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ramlee bin Mustapha, Ph.D

Y. Bhg. Profesor Dr.
Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, Ph.D

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Norhasni Zainal Abiddin, Ph.D

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Aminuddin Hassan, Ph.D

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, Ph.D

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Haslina binti Abdul Rahim GS33572

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.



Tandatangan:
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Hipotesis Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Istilah dan Operasional	7
1.9 Rumusan	8
2 SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Latihan	11
2.2 Pemindahan Latihan	13
2.3 Teori Pemindahan Latihan	15
2.3.1 Teori Persamaan Elemen (<i>Theory of Identical Elements</i>)	15
2.3.2 Teori Pemindahan Kognitif (<i>Cognitive Theory Of Transfer</i>)	16
2.3.3 Teori Pembelajaran Dewasa	16

2.3.4	Teori Akauntabiliti	17
2.4	Model Pemindahan Latihan	19
2.4.1	Model Baldwin dan Ford	19
2.4.2	Model Holton	20
2.5	Faktor yang Mempengaruhi Pemindahan Latihan	22
2.5.1	Faktor Individu	22
2.5.2	Faktor Persekutuan Kerja	23
2.5.3	Faktor Reka Bentuk Latihan	24
2.5.4	Akauntabiliti	26
2.6	Hasil Kajian Lepas	27
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	35
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	36
2.9	Rumusan	38
3	METODOLOGI	39
3.1	Reka Bentuk Kajian	39
3.2	Populasi Dan Persampelan	39
3.2.1	Populasi Kajian	40
3.2.2	Sampel Kajian	40
3.2.3	Kaedah Persampelan	42
3.3	Instrumen Kajian	44
3.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	47
3.4.1	Kesahan	47
3.4.2	Kajian Rintis	47
3.4.3	Kebolehpercayaan	48
3.5	Prosedur Kajian	49
3.6	Analisis Data	50
3.6.1	Statistik Deskriptif	50
3.6.2	Statistik Korelasi	51
3.7	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	52
3.8	Rumusan	54
4	DAPATAN KAJIAN	55

4.1	Pendahuluan	55
4.2	Dapatan Analisis Deskriptif dan Perbincangan	55
4.2.1	Maklumat Latar Belakang	55
4.2.2	Tahap Pemindahan Latihan Perguruan	57
4.2.3	Tahap Faktor Pemindahan Latihan Perguruan	59
4.2.4	Kesimpulan Dapatan Deskriptif	60
4.3	Dapatan Analisis Inferensi dan Perbincangan	60
4.3.1	Hubungan Faktor Individu dengan Pemindahan Latihan dalam Kalangan Guru Siswazah	61
4.3.2	Hubungan Persekutaran Kerja dengan Pemindahan Latihan dalam Kalangan Guru Siswazah	64
4.3.3	Hubungan Reka Bentuk Latihan dengan Pemindahan Latihan dalam Kalangan Guru Siswazah	68
4.3.4	Hubungan Akauntabiliti dengan Pemindahan Latihan dalam Kalangan Guru Siswazah	71
4.3.5	Faktor yang Mempengaruhi Pemindahan Latihan	72
4.3.6	Kesimpulan Dapatan Kajian	75
4.4	Kesimpulan	75
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	77
5.1	Pendahuluan	77
5.2	Rumusan	77
5.3	Implikasi Kajian	78
5.3.1	Implikasi Teoritikal	78
5.3.2	Implikasi Praktikal	79
5.4	Cadangan Kajian	80
5.5	Kesimpulan	81
BIBLIOGRAFI		83
LAMPIRAN		95
BIODATA PELAJAR		119
SENARAI PENERBITAN		120

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Kategori Item Dan Bilangan Soalan	44
3.2	Dimensi Pemindahan Latihan dan Bilangan Item-item bagi Setiap Dimensi	45
3.3	Senarai Faktor dan Nombor Item Berkaitan	46
3.4	Garis Panduan Mentafsir Nilai Alpha	48
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	49
3.6	Julat Interpretasi Min Kajian	50
3.7	Julat Interpretasi Tahap Pemindahan Latihan	51
3.8	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	52
3.9	Ringkasan Penganalisisan	52
3.10	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	53
3.11	Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	53
4.1	Maklumat Latar Belakang Responden (n=197)	56
4.2	Taburan Min Tahap Fokus Pemindahan Latihan (%) (n=197)	58
4.3	Min dan Sisihan Piawai (Faktor Pemindahan Latihan)	59
4.4	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	61
4.5	Hubungan Faktor Individu Terhadap Pemindahan Latihan Latihan Perguruan	61
4.6	Hubungan Persekutaran Kerja Terhadap Pemindahan Latihan Perguruan	64
4.7	Hubungan Reka Bentuk Latihan Terhadap Pemindahan Latihan Perguruan	68
4.8	Hubungan Akauntabiliti Terhadap Pemindahan Latihan Perguruan	72
4.9	Model Regresi Berganda Faktor Mempengaruhi Pemindahan Latihan	73
4.10	Ringkasan Keputusan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	75

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Teori Akauntabiliti	18
2.2	Model Baldwin dan Ford	19
2.3	Model Holton	21
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	36
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	37
3.2	Kerangka Persampelan	43

SENARAI SINGKATAN

ASTD	-	Latihan dan Pembangunan Masyarakat Amerika (<i>American Society for Training & Development</i>)
CIDB	-	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (<i>Construction Industry Development Board Malaysia</i>)
EMT	-	Juruteknik Perubatan Kecemasan (<i>Emergency Medical Technician</i>)
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (<i>Educational Planning and Research Division</i>)
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan
LTSI	-	Sistem Inventori Pemindahan Latihan (<i>Learning Transfer System Inventory</i>)
MPOB	-	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (<i>Malaysian Palm Oil Board</i>)
PIPP		
2006-2010	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010
PPPLD	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma
PPPS	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
SK	-	Sekolah Kebangsaan



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, diikuti dengan pernyataan masalah kajian. Perbincangan ini juga memfokus kepada objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan batasan kajian. Seterusnya, penerangan tentang definisi istilah dan operasional yang dirujuk dalam kajian dimuatkan dan diikuti rumusan di akhiran bab.

1.1 Latar Belakang Kajian

Setiap organisasi kerajaan maupun swasta menginginkan pekerja mereka dapat memperolehi pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi mempertingkatkan prestasi kerja. Mereka sanggup memperuntukkan pembelanjaan yang besar untuk menghantar pekerja mereka menghadiri latihan, kursus atau program pembangunan. Pendapat pengkaji ini dipertegaskan lagi dengan laporan yang dibentangkan oleh Persatuan Amerika dalam bahagian Latihan dan Pembangunan Kajian Industri pada tahun 2011 (Green & McGill, 2011) yang melaporkan bahawa beberapa organisasi di Amerika membelanjakan lebih daripada \$ 171.5 billion pada tahun 2010 kepada latihan dan pembangunan pekerja. Jumlah ini merupakan antara pelaburan modal paling intensif yang dilakukan oleh majikan bagi mempertingkatkan prestasi kerja pekerja mereka.

Pelbagai kaedah yang boleh dilakukan oleh sesebuah organisasi untuk meningkatkan prestasi kerja pekerja mereka. Umumnya sesebuah organisasi akan melaksanakan sendiri latihan, kursus atau program pembangunan atau mereka akan menghantar pekerja mereka ke organisasi lain seperti ke institusi pengajian, pusat latihan kemahiran dan sebagainya bagi memperolehi pengetahuan dan kemahiran. Dengan ini, organisasi mengharapkan pekerja mereka dapat membantu dalam peningkatan prestasi organisasi. Senario yang sama juga berlaku di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan dengan itu Malaysia telah mengalami transformasi dalam bidang pendidikan dengan memartabatkan profesion keguruan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Melalui PIPP 2006-2010 telah memberi fokus memartabatkan profesion keguruan dengan menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, memantapkan kerjaya guru, menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru dan memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia (KPM, 2006). Ini adalah selaras dengan matlamat pembangunan negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Wawasan 2020 diwujudkan bertujuan untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju sepenuhnya menjelang Tahun 2020 (Mahathir, 1991). Salah satu agenda Wawasan 2020 adalah meningkatkan mutu hidup rakyat Malaysia. Justeru itu, KPM mengambil peluang tersebut dalam merealisasikan wawasan tersebut dengan mempertingkatkan mutu perkhidmatan para guru.

Untuk mencapai matlamat ini, KPM terus menaik taraf sistem pendidikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kelayakan akademik guru-guru. KPM berhasrat bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, tetapi juga memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Hal ini dipertegaskan lagi melalui PIPP 2006-2010 yang menegaskan mulai tahun 2005, syarat-syarat pengambilan calon guru diperketatkan lagi bagi memastikan KPM mendapat hanya calon guru yang berkualiti bagi profesi ini. Selain itu juga usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru-guru berkualiti dalam profesi keguruan ini telah dimantapkan lagi dengan menaiktarafkan maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) dan meneruskan pelbagai latihan dalam perkhidmatan (LDP).

Latihan Dalam perkhidmatan merupakan satu usaha dalam mengembangkan wawasan guru menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan yang semakin kompleks (Tilaar, 1999). Sehubungan dengan itu, KPM merangka kursus LDP bagi menyediakan latihan kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan profesionalisme di kalangan guru sejajar dengan perkembangan pendidikan global. Pelbagai kursus dan program yang ditawarkan termasuk Program Pensiswazahan Guru. Program ini merupakan satu program yang diwujudkan bagi guru-guru lepasan diploma perguruan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di institusi pengajian tinggi. Menjelang Tahun 2020, melalui PIPP 2006-2010 KPM mensasarkan seratus peratus guru siswazah bagi sekolah rendah dan juga sekolah menengah (KPM, 2006). Pada masa ini, guru siswazah di sekolah terbahagi kepada guru berjawatan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah (PPPS) dan guru berjawatan pegawai perkhidmatan pendidikan lepasan diploma (PPPLD) yang telah tamat pengajian ijazah. Guru-guru PPPS dilantik daripada kalangan guru yang telah memperolehi ijazah sebelum itu (*fresh graduate*), manakala guru PPPLD merupakan guru yang mempunyai Diploma Perguruan sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah.

Sehubungan dengan itu, latihan adalah salah satu amalan yang sistematik sumber manusia yang boleh memberi manfaat kepada individu, pasukan, organisasi dan komuniti untuk meningkatkan prestasi individu, pasukan dan keberkesanannya organisasi (Aguinis & Kraiger, 2009). Pembangunan profesional guru (latihan perguruan) merupakan salah satu latihan dalam perkhidmatan dan pembangunan para guru (McDonald, 2011). Latihan bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, latihan dianggap suatu proses yang sistematik bagi perubahan guru sebagai pemudahcara dalam sikap, kepercayaan dan amalan yang bermatlamat untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar (Cohran-Smith & Lythe, 2001; Villegas-Reimers, 2003). Daripada sorotan literatur pengkaji dapat merumuskan bahawa latihan memberikan kemahiran asas yang diperlukan bagi melaksanakan satu-satu pekerjaan. Dengan itu, LDP berperanan meningkatkan prestasi kerja guru melalui pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan dari segi teori dan praktikal.

Menurut Killion (2010), keutamaan pembangunan pembelajaran profesional guru yang direka adalah untuk memperbaiki amalan guru bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun, McDonald (2011) berpendapat bahawa pembangunan profesional guru ini masih kekurangan rangka teori integratif dan terdapat keperluan untuk menggabungkan dimensi pembangunan profesional guru dengan pemindahan latihan. Oleh itu, kajian ini mengkaji pemindahan latihan terhadap latihan perguruan iaitu program pensiswazahan guru untuk guru-guru sekolah rendah.

Bagi melihat keberkesanan hasil latihan, proses pemindahan latihan harus berlaku supaya kandungan latihan dapat diaplikasikan ke tempat kerja sebenar. Dalam sistem pendidikan juga berlakunya proses pemindahan latihan yang mana pelatihnya termasuklah pelajar, guru dan kakitangan institusi pendidikan. Selaras dengan itu, proses pemindahan latihan boleh menjadi satu ukuran yang penting kepada usaha-usaha peningkatan akademik individu kerana proses ini membolehkan seseorang yang dilatih bersedia untuk menterjemahkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi melalui latihan kepada situasi kerja sebenar. Pembangunan pembelajaran guru boleh memberi kesan kepada pencapaian pelajar (Robinson & Timperley, 2007). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah dalam pemindahan latihan guru. Contohnya, syarat-syarat pemindahan pembelajaran guru untuk memperbaiki amalan bilik darjah kurang difahami (Ingvarson, Meiers & Beavis, 2005; Desimone, 2009).

Jika disorot kepada kajian lampau, terdapat faktor-faktor yang boleh mempengaruhi proses pemindahan latihan dan secara langsung mempengaruhi keupayaan prestasi kerja guru. Hal ini dipertegaskan lagi dengan beberapa dapatan kajian yang merumuskan pelbagai faktor yang mempunyai hubungan dengan pemindahan latihan iaitu faktor individu, persekitaran kerja dan reka bentuk latihan (Baldwin & Ford, 1988; Yaghi, Goodman, Holton dan Bates, 2008; Jalilah, 2007; Muhammad Awais & Sharan Kaur, 2010) dan akauntabiliti (Burke & Saks, 2009; Longnecker, 2004). Oleh itu, pihak pentadbir sekolah yang terlibat dalam usaha-usaha penambahbaikan sekolah perlu sedar mengenai semua faktor proses pemindahan latihan ini (Holton, 2005). Selain daripada itu, faktor yang mempengaruhi pemindahan pembelajaran, dalam pengaplikasian dan penyelenggaraan pengetahuan baru kepada prestasi kerja (Ford & Weissbein, 1997) juga perlu diketahui.

Polemik tentang faktor-faktor pemindahan latihan masih perlu dikaji dari semasa ke semasa terutamanya dalam akauntabiliti. Pendapat pengkaji ini dipertegaskan lagi oleh Burke dan Hutchins (2007) yang menyatakan kajian akauntabiliti dengan pemindahan latihan adalah minimum atau kurang dan perlu dikaji untuk menjelaskan atau membina penemuan yang kukuh. Manakala Burke dan Saks (2009) mencadangkan supaya mengadaptasi Model Tanggungjawab Schlenker bagi menyelesaikan masalah pemindahan latihan berkaitan dengan akauntabiliti. Oleh itu,uraian di atas menunjukkan kemungkinan faktor individu, persekitaran kerja, reka bentuk latihan dan akauntabiliti ada mempunyai hubungan dengan proses pemindahan pembangunan profesional guru (latihan perguruan) dalam kalangan guru siswazah sekolah rendah.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan pihak pentadbir di sekolah-sekolah telah mengakui bahawa kualiti guru yang dipaparkan melalui amalan bilik darjah yang berkesan, merupakan komponen penting dalam pembelajaran pelajar (Robinson & Timperley, 2007; Witziers, Bosker & Kruger, 2003). Oleh itu, guru-guru perlu menghadiri latihan pembangunan professional untuk memperbaiki amalan guru bagi meningkatkan pencapaian pelajar (Killion, 2010). Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, setiap guru perlu menghadiri pelbagai kursus atau latihan bagi mempertingkatkan prestasi kerja mereka sekurang-kurangnya tujuh hari setahun (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005). Selepas tamat latihan, guru juga dibebani tugas-tugas yang baharu melalui pelaksanaan pelbagai reformasi dalam sistem pendidikan. Tanpa disedari reformasi ini menjadikan peranan dan tanggungjawab para guru menjadi lebih besar, mencabar dan kompleks. Kedudukan ini dipertegaskan lagi oleh Tight (2010) yang menyatakan bahawa beban kerja guru meningkat dari semasa ke semasa. Manakala Noraziah (2001) pula menyatakan bahawa pemergian guru ke tempat kursus tidak lebih dari satu pembaziran kerana tidak memberikan faedah kepada mereka mahupun sekolah. Ini kerana mereka tidak dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Malah beliau mendapati guru tidak menyebarkan ilmu yang telah diperolehi mereka kepada rakan sekerja sepenuhnya di peringkat sekolah.

Walaupun bilangan kajian tentang menangani pemindahan latihan juga telah meningkat sejak Baldwin dan Ford menerbitkan kerangka teori mereka pada tahun 1988. Namun, masih terdapat kekurangan kajian terutamanya bagaimana pemindahan latihan boleh dioptimunkan (Hawley & Barnand, 2005; Holton & Baldwin, 2000). Hal ini diperkuuhkan lagi dengan dapatan kajian Burke dan Saks (2009) yang mendapati masih terdapat masalah yang sama dalam pemindahan latihan yang dianggap berlarutan. Kontroversi ini telah menyebabkan pembaziran perbelanjaan berlaku apabila sesuatu latihan yang diberi tidak memindahkan pengetahuan, kemahiran dan sikap kepada pekerjaan (Grossman & Salas, 2011) seterusnya pemindahan latihan sentiasa menjadi masalah yang serius kepada organisasi (Raja Mumtaz, 2011).

Walaupun para sarjana terdahulu telah mencapai kemajuan yang substantif dalam menghubungkan faktor individu (Colquitt, LePine & Noe, 2000), reka bentuk latihan (Machin & Fogarty, 2004), peranan persekitaran kerja (Holton et al., 2000; Lim & Johnson, 2002) dan akauntabiliti (Longnecker, 2004; Burke & Hutchins, 2007) untuk memindahkan hasil latihan, namun masih kurang kajian yang diterokai berkaitan hubungan keempat-empat faktor tersebut dengan pemindahan latihan bersama-sama terutamanya dalam konteks pendidikan di Malaysia. Selain itu, kajian ini masih kurang kajian pemindahan latihan di Negeri Selangor terutama dalam bidang perguruan. Banyak kajian pemindahan latihan di Malaysia melibatkan organisasi kerajaan dan swasta secara umumnya dan tidak dikhurasukan di Negeri Selangor (Hamizan, 2012; Balkisnah & Norhasni, 2009; Jalilah, 2007). Kajian pemindahan latihan ini telah ada dibuat dalam bidang perguruan (Balkisnah & Norhasni, 2009; Noraziah, 2001) tetapi tidak melibatkan kesemua faktor yang berhubung pemindahan latihan secara menyeluruh. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk merapatkan jurang ini dan menguji faktor sedia ada (faktor individu, persekitaran kerja dan reka bentuk latihan) berhubung pemindahan latihan serta menghubungkan

akauntabiliti dengan pemindahan latihan yang masih kurang dikaji dalam konteks pendidikan di Malaysia khususnya di Negeri Selangor.

1.3 Objektif Kajian

Secara umum kajian ini adalah untuk menentukan tahap pemindahan latihan guru dan hubungan faktor-faktor yang mempengaruhi pemindahan latihan dalam kalangan guru-guru siswazah sekolah rendah yang mengikuti program pensiswazahan guru di Negeri Selangor. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan tahap pemindahan latihan program pensiswazahan guru dalam kalangan guru siswazah sekolah rendah.
2. Menentukan hubungan antara faktor individu dengan pemindahan latihan program pensiswazahan guru sekolah rendah.
3. Menentukan hubungan antara faktor persekitaran kerja dengan pemindahan latihan program pensiswazahan guru sekolah rendah.
4. Menentukan hubungan antara faktor reka bentuk latihan dengan pemindahan latihan program pensiswazahan guru sekolah rendah.
5. Menentukan hubungan antara akauntabiliti dengan pemindahan latihan program pensiswazahan guru sekolah rendah.
6. Menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemindahan latihan program pensiswazahan guru sekolah rendah.

1.4 Hipotesis Kajian

Pembentukan hipotesis kajian ini adalah berdasarkan teori-teori yang menyokong pemindahan latihan, model-model pemindahan latihan, karya-karya, penemuan hasil kajian lepas dan kerangka konseptual yang dirangka dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, terdapat empat hipotesis yang dibentuk berdasarkan objektif kajian yang diperolehi daripada sorotan literatur.

Hipotesis yang pertama (H_1) bagi mencapai objektif kedua kajian.

H_1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor individu dengan pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru siswazah.

Hipotesis yang kedua (H_2) bagi mencapai objektif ketiga kajian.

H_2 Tidak terdapat hubungan signifikan antara persekitaran kerja dengan pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru siswazah.

Hipotesis yang ketiga (H_3) bagi mencapai objektif keempat kajian.

H_3 Tidak terdapat hubungan signifikan antara reka bentuk latihan dengan pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru siswazah.

Hipotesis yang keempat (H_4) bagi mencapai objektif kelima kajian.

H_4 Tidak terdapat hubungan signifikan antara akauntabiliti dengan pemindahan latihan perguruan dalam kalangan guru siswazah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan utama kajian ini dilaksanakan untuk menentukan tahap dan faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pemindahan latihan perguruan dalam meningkatkan produktiviti kerja di sekolah agar dapat dimanfaatkan dari sudut pembinaan ilmu (*body of knowledge*), dari sudut akademik dan dari sudut aplikasi dalam sesebuah organisasi khususnya bidang pendidikan. Kepentingan dari sudut perkembangan ilmu diperincikan dengan mencadangkan penambahbaikan kepada model pemindahan latihan sedia ada serta mencadangkan penambahbaikan kepada kurikulum latihan guru sedia ada.

Secara amnya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembinaan ilmu iaitu memperincikan dan mencadangkan penambahbaikan kepada kajian Pembangunan Sumber Manusia dan khususnya kepada kajian pemindahan latihan. Dari sudut teoritikal, kajian ini menggunakan Teori Persamaan Elemen, Teori Pemindahan Kognitif, Teori Pembelajaran Dewasa, Model Baldwin dan Ford (1988) dan Model Holton (2000) untuk menghubungkan faktor individu, persekitaran kerja dan reka bentuk latihan dengan pemindahan latihan. Kajian ini juga berasaskan Teori Akauntabiliti Schlenker (1994) bagi memasukkan faktor akauntabiliti untuk menghubungkan dengan pemindahan latihan. Sehubungan itu, dapatan kajian ini boleh menguatkan teori tersebut untuk diaplikasikan dalam kajian-kajian pemindahan latihan. Selain daripada itu, kajian ini dapat dijadikan asas kepada kajian-kajian seterusnya dalam memahami perkaitan faktor individu, persekitaran kerja, reka bentuk latihan dan akauntabiliti dengan pemindahan latihan dan juga menjadikan penambahbaikan kepada model pemindahan latihan yang sedia ada. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengkaji kesahan dan kesesuaian teori-teori secara empirikal terhadap proses pemindahan latihan berdasarkan konteks dan budaya tempatan.

Jika disorot dari sudut akademik pula, kajian ini memberi panduan kepada guru dalam meningkatkan keperluan dalaman dan luaran pada setiap masa agar melahirkan mutu kerja yang baik dan dapat memartabatkan profesion keguruan. Di samping itu, dapatan ini juga dapat menjadi panduan guru di sekolah untuk memastikan amalan pengajaran dan pembelajaran selepas menghadiri latihan dilaksanakan secara praktikal agar dapat membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovatif dan kreatif serta sesuai dengan keperluan pelajar. Guru juga dapat meneliti peranan mereka supaya dapat menyesuaikan diri dengan budaya dan teknologi baru serta perubahan-perubahan yang berlaku bagi merealisasikan transformasi pendidikan negara dan dapat meningkatkan kualiti modal insan.

